# Kisah Kejayaan
# Program Kelas Asas Komputer & Celik IT

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Name of PI1M<br>Nama PI1M</td><td>PI1M Tmn Murai Jaya</td></tr>
<tr><td>Location<br>Lokasi</td><td>Mukim : Durian Tunggal<br>Negeri : Melaka</td></tr>
<tr><td>Name of person(s)<br>Nama</td><td>Pengurus : Faezah Noor Binti Misnon<br>Penolong Pengurus : Nur Azieana Zazali</td></tr>
<tr><td>Details of person (s)<br>Butiran diri</td><td>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Nama</th><th>Umur</th><th>No IC</th><th>Pekerjaan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Hairani Binti Maidin</td><td>73</td><td>430621-04-5042</td><td>Warga Emas</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Kisah kejayaan</td><td>
1. Bagaimana tahap penggunaan internet dan ICT untuk mencapai kejayaan mereka, sila huraikan cerita anda<br><br>
Jawapan : Sebelum ini, Puan Hajjah Hairani binti Maidin merupakan ahli dari Pusat Internet Lendu Bakti dan telah memasuki kelas selama sehari di sana. Kemudian, beliau berpindah ke Pusat Internet 1Malaysia Taman Murai Jaya kerana tinggal berdekatan di Durian Tunggal dan memudahkan beliau untuk datang ke Pusat Internet 1Malaysia Taman Murai Jaya. Beliau meruapakan warga emas yang telah berusia 73 tahun. Juga merupakan seorang pesara guru sekolah agama. Beliau telah datang ke PI1M Taman Murai Jaya untuk belajar lebih lanjut mengenai Microsoft Office dan asas pengenalan Internet. Beliau telah mengikuti beberapa kelas dan telah tamat belajar untuk kelas asas Microsoft Word dan Excel. Walaupun telah berusia beliau mampu untuk belajar dan memahami apa yang di sampaikan oleh petugas termasuk melaksanakan tugasan yang di berikan supaya lebih mahir.<br><br>
Oleh itu, Pihak PI1M telah mengambil inisiatif untuk mengajar beliau mengenai Kelas Asas Komputer iaitu dari peringkat pengenalan mengenal komponen komputer sehingga belajar menaip menerusi notepad. Setelah mahir menggunakan notepad dengan mempelajari fungsi keyboards seperti caps lock, symbol dan sebagainya kami telah mengajar beliau supaya lebih mahir membuat laporan menggunakan Microsoft word. Beliau telah datang ke kelas setiap hari jumaat setiap minggu bersama – sama seorang lagi rakannnya iaitu Pn. Zainab Binti Hasim yang berusia 57 tahun.
</td></tr>
</table>

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | *Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.*<br><br>*Jawapan :* Puan Hajjah Hairani binti Maidin merupakan seorang bekas guru dan beliau tidak pernah menggunakan komputer untuk tujuan pembelajaran. Setelah mempelajari latihan Microsoft word dan excel, beliau mempraktikkannya di dalam urusan harian seperti membuat jadual kelas mengaji dan buku kira – kira menggunakan Microsoft word dan excel.<br><br>Beliau juga dapat membantu cucu beliau ketika sedang menggunakan komputer ketika menyiapkan kerja sekolah. Selain belajar menggunakan aplikasi di dalam Microsoft office beliau juga telah di ajar menggunakan asas pengenalan internet iaitu cara mendaftar email, bagaimana mencari maklumat yang diperlukan di dalam google dan sebagainya.<br><br>Setelah mempelajarinya di Pusat Internet 1Malaysia beliau sudah tahu menggunakan kemudahan internet di rumah dan boleh mencarinya sendiri serta menyimpan folder atau maklumat yang diperlukan dengan menyalin semula dan menyimpan di dalam Microsoft office. |
| **Keterangan gambar** | <br><br>Puan Hajjah Hairani binti Maidin duduk paling kiri ketika sedang belajar di Pusat Internet 1Malaysia bersama rakan beliau. |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br><br>Mereka juga di berikan penerangan mengenai apa itu internet. Kebaikan dan keburukan penggunaan internet di dalam kehidupan seharian.<br><br><br>Puan Hajjah Hairani binti Maidin sedang menyiapkan tugasan yang diberikan petugas untuk kelas Microsoft Word. |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br>Petugas sedang memberi tunjuk ajar bagaimana menggunakan *bullet and numbering* serta fungsi lain di dalam Microsoft word.<br><br><br>Petugas sedang memberi tunjuk ajar bagaimana menggunakan *font, paragraph* serta fungsi *table tools* yang lain di dalam Microsoft word.<br><br><br>Puan Hajjah Hairani binti Maidin begitu tekun menyiapkan tugasan yang di berikan oleh petugas di mana beliau perlu menyalin semula maklumat dari google serta memuat naik gambar di dalam Microsoft word. |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br>Puan Hajjah Hairani binti Maidin mempelajari bagaimana memasukkan jadual di dalam Microsoft word. |
| **Maklumbalas Peserta** | 1. *Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?*<br><br>**Pusat internet lebih selesa, luas, kemas dan mempunyai banyak kemudahan lain selain komputer.**<br><br>2. *Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?*<br><br>**Boleh mempelajari Asas pengenalan komputer secara percuma dengan hanya menjadi ahli serta dapat belajar mengikut masa yang sesuai.**<br><br>3. *Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan kumpulan lain?*<br><br>**Mengadakan kelas komputer dari peringkat awal sehingga pelajar mahir menggunakan komputer. Selain itu boleh memupuk semangat kerjasama serta meningkatkan tahap kemahiran berfikir serta membantu lebih mahir menggunakan intenet dan aplikasi dalam talian.**<br><br>4. *Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.*<br><br>**Sentiasa menjalankan program seperti ini bagi memperkenalkan dengan lebih teperinci mengenai perkembangan ict dan pemberian saguhati mahupun hadiah kepada peserta.** |